

16/05/1998

Sukom minta bantuan swasta

Hussain Said

PENGANJUR Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98), berharap badan korporat serta rakyat dapat membantu menampung 10 peratus lagi perbelanjaan menganjurkan temasya itu.

Sambil menggariskan tiga projek utama yang memerlukan sokongan, Pengerusi Eksekutif Sukom '98, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, berkata pihaknya tidak akan menagih bantuan kerajaan.

Antara projek itu ialah mengeluarkan kad cenderahati bernilai RM10 sekeping, bekerjasama dengan Malaysian Mining Corporation (MMC) menghasilkan syiling emas manakala Bank Negara menghulurkan bantuan mengeluarkan wang kertas kenang-kenangan.

"Kerajaan sudah belanjakan RM1.2 bilion untuk menyediakan prasarana. Jadi, tidak wajar Sukom '98 meminta satu senpun untuk menampung kekurangan itu daripada kerajaan," katanya semalam.

Dia berkata demikian selepas menandatangani perjanjian bersama Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) untuk hak penyiaran radio dan televisyen sempena temasya itu dari 11 hingga 21 September ini.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat dan Pengarah Urusan TV3, Datuk Zahari Omar.

Dengan termetrainya perjanjian itu, TV3 akan menyiarkan liputan temasya itu selama 33 jam 45 minit yang membabitkan siaran langsung serta tertunda dan rangkuman pada setiap malam.

Menurut Hashim, Sukom '98 menjangkakan antara RM10 hingga RM15 juta dengan penjualan kad cenderahati, syiling emas (RM1.2 juta hingga RM1.5 juta) dan wang kertas kenang-kenangan (RM2 juta hingga RM3 juta).

"Setakat ini, Pos Malaysia Berhad sudah menempah 500,000 keping kad itu manakala stesen minyak sebanyak 300,000. Kita berharap sektor korporat dapat membeli 500 keping untuk diagihkan kepada pekerja masing-masing.

"Bagaimanapun, untuk menampung kekurangan, ada dua atau tiga syarikat luar negara menunjukkan minat menjadi rakan Sukom '98. Kita percaya jumlah yang diperlukan akan mencukupi sehingga akhir tahun," katanya.

Sementara itu, Mohamed berkata Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) akan dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penghujung Ogos ini.

Dalam majlis berlainan di Stadium Shah Alam pula, Hashim melahirkan rasa tidak puas hati terhadap perkembangan jualan tiket menerusi laman web serta talian terus yang dianggap lembap serta kurang menggalakkan.

Dia turut membetulkan kenyataan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Loke Yuen Yow, bahawa setakat ini hanya 67 negara yang sudah mengesahkan penyertaan, bukan bukan 68 seperti dilaporkan.

"Bagaimanapun, kita percaya dua negara lagi, iaitu Tuvalu dan St Helena, akan turut serta. Kita sudah dapatkan kerjasama kerajaan Australia dan Britain untuk membantu."

(END)